

<p><b>PRODUCT DISCLOSURE SHEET HELAIAN KETERANGAN PRODUK</b></p> <p>(Please read this Product Disclosure Sheet before you decide to participate in the Will Writing product. Please be sure to also read the general terms and conditions).</p> <p>(Sila baca Helaian Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai Skim Penulisan Wasiat. Sila pastikan juga yang anda membaca terma-terma dan syarat-syarat am).</p> <p>The will writing for Muslims is subject to Faraid Law of succession.</p> <p><i>Penulisan Wasiat bagi orang Islam adalah tertakluk kepada Hukum Syarak.</i></p>	<p><b>BASIC WILL WRITING / PENULISAN WASIAT ASAS</b></p> <p>Date/ Tarikh : 12 JANUARY 2024 / 12 JANUARI 2024</p> <p>Issued by/ Dikeluarkan oleh:</p> <p><b>AMANAH RAYA</b></p> <p>Distributed by/ Diedarkan oleh:</p> <p> Bank Muamalat Kehidupan lebih baik, bersama</p>
<p><b>1. What is this product about and who offers this product? / Apakah produk ini dan siapakah yang menawarkan produk ini?</b></p>	
<p>Basic Will writing is a product offered by Amanah Raya Berhad (AmanahRaya) in which AmanahRaya is appointed as the Executor/Administrator to carry out the Customer/Testator's wishes for an agreed fee. Bank Muamalat is appointed as AmanahRaya's agent to distribute and market the said product.</p> <p><i>Penulisan Wasiat Asas merupakan produk yang ditawarkan oleh Amanah Raya Berhad (AmanahRaya) di mana AmanahRaya dilantik sebagai Wasi/Pentadbir untuk menyempurnakan hasrat Pelanggan/Pewasiat dengan bayaran fi yang dipersetujui. Bank Muamalat dilantik sebagai ejen AmanahRaya untuk mengedar dan memasarkan produk tersebut.</i></p> <p>For Comprehensive Wills, the Customer/Testator will liaise directly with ARB after the Basic Will has been registered. <i>Bagi Wasiat Komprehensif, Pelanggan/Pewasiat akan berurusan dengan AmanahRaya selepas Wasiat Asas didaftarkan.</i></p>	
<p><b>2. What are the features of this product? / Apakah ciri-ciri produk ini?</b></p> <p>A Will is a deed of disposition of asset directing the Executor/ Administrator to fully carry out the Customer/Testator's wishes after his/her death. It also includes strategies for estate planning and management.</p> <p><i>Wasiat merupakan dokumen penyelesaian pusaka berbentuk arahan kepada Wasi/Pentadbir untuk menyempurnakan segala hasrat Pelanggan/Pewasiat termasuklah melaksanakan segala strategi perancangan dan pengagihan harta selepas kematian.</i></p> <p>There are two (2) types of Wills :</p> <p><i>Terdapat dua (2) jenis Wasiat:</i></p> <p><b>Muslim Wills / Wasiat Islam:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• A Testator can bequeath property to non-heirs or those who are not entitled to anything under Faraid Law. <i>Pembahagian harta pusaka boleh dibuat dengan cara berwasiat kepada bukan waris dan ahli waris yang tidak berhak menerima harta pusaka menurut undang-undang pembahagian harta (faraid).</i></li> <li>• Only one third (1/3) of the asset may bequeathed. The remaining 2/3 of the Testator's property shall remain the lawful share of the beneficiaries under Faraid Law / <i>Hanya satu pertiga (1/3) daripada baki harta selepas ditolak segala hutang yang masih belum diselesaikan boleh diwasiatkan. Dua pertiga (2/3) daripada harta Pewasiat merupakan hak ahli waris menurut Hukum Faraid.</i></li> <li>• A Testator however may bequeath more than one third of his/her asset provided the beneficiaries agree to such a distribution after the testator's death. <i>Pewasiat boleh mewasiatkan hartanya melebihi satu pertiga (1/3) sekiranya semua ahli waris bersetuju dengan pembahagian tersebut selepas kematian Pewasiat.</i></li> </ul>	

#### **Non Muslim Wills / Wasiat Bukan Islam:**

- In the case of non-Muslims, the assets may be distributed to any person the Testator chooses / *Pembahagian harta pusaka bagi bukan Islam boleh dibuat melalui wasiat mengikut hasrat dan keinginan Pewasiat kepada sesiapa sahaja yang dikehendaki.*
- In the absence of a Will, the assets will be distributed according to the Distribution Act 1958 / *Sekiranya tiada dokumen Wasiat, harta pusaka akan dibahagikan mengikut Akta Pembahagian 1958.*

#### **3. What are the Syariah concepts applicable? / Apakah konsep Syariah yang digunakan?**

Wakalah refers to a contract in which a party, as principal (*muwakkil*), authorises another party as his agent (*wakil*) to perform a particular task in matters that may be delegated, with or without imposition of a fee.

*Wakalah merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (*muwakkil*), membenarkan pihak yang lain sebagai ejenl (*wakil*) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran.*

#### **4. Why do we need Will Writing? / Mengapa kita perlukan Penulisan Wasiat?**

A Testator making a Will is actually performing a noble task of conveying his wishes regarding the disposition of the wealth accumulated by him during his lifetime. A well-planned asset distribution via a Will would ensure the assets are distributed to the loved ones for their benefit / *Berwasiat merupakan suatu tindakan mulia untuk menzahirkan keinginan Pewasiat terhadap pembahagian harta yang dikumpulkan semasa hidup. Pengagihan harta yang dirancang dengan baik melalui wasiat akan memastikan harta itu diagihkan kepada orang yang dikasih untuk manfaat mereka.*

#### **5. What are the benefits of Will Writing? / Apakah faedah-faedah Penulisan Wasiat dibuat?**

##### Benefits of Will Writing/ Faedah-faedah Penulisan Wasiat

- Appointing an Executor/ Administrator via a Will helps to ease the administration of an estate upon death / *Melantik Wasi/Pentadbir melalui dokumen Wasiat membantu untuk memudahkan pengurusan dan pentadbiran harta pusaka selepas kematian.*
- To make known your wishes as to how your estate should be distributed for the benefit of charity and your loved ones / *Dapat menzahirkan hasrat anda tentang pengagihan harta untuk tujuan kebajikan dan keluarga tersayang.*
- As a safeguard to the future of your loved ones by formulating a scheme of distribution of your choice / *Sebagai jaminan masa hadapan mereka yang anda sayangi dengan pembahagian yang dihasratkan.*
- The appointment of a trustworthy Executor / Administrator via your Will helps guarantee the welfare of your children (minor) when you are no longer around / *Pelantikan Wasi/Pentadbir yang dipercaya melalui wasiat akan menjamin kebajikan dan kepentingan anak-anak di bawah umur selepas kematian anda.*
- To ease the burden of your heirs / *Mengurangkan bebanan yang terpaksa ditanggung oleh waris-waris yang ditinggalkan.*

## **6. Who can make a Will? / Siapa yang boleh membuat Wasiat?**

- A person who has attained the age of 18 (Peninsular Malaysia & Sarawak), or 21 years and above in Sabah / Seorang individu yang berumur 18 tahun ke atas bagi (Semenanjung Malaysia & Sarawak), atau 21 tahun ke atas bagi Sabah
- A person who is of sound mind / Seorang individu yang berfikiran Waras
- A person who is acting on his own free will and without coercion / Seorang individu yang bertindak secara sukarela dan tanpa paksaan atau desakan oleh sesiapa; and/ dan
- A person who is not prohibited to administer his property / Seseorang individu yang tidak dilarang untuk mentadbir hartanya

## **7. What are the fees and charges that I have to pay? / Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?**

### **Basic Will Writing Services/ Perkhidmatan Penulisan Wasiat Asas**

Muslim Will / Wasiat Islam	Non-Muslim Will / Wasiat Bukan Islam
RM500	RM500

### **Note:**

- Changes on fees are subject to Amanah Raya Berhad / Sebarang perubahan fi adalah tertakluk kepada Amanah Raya Berhad.
- Conversion from Basic to Comprehensive will be charged and all payments should be made directly to ARB/  
*Pertukaran wasiat asas ke wasiat Komprehensif akan dikenakan caj dan pembayaran dibuat terus ke ARB.*
- The above mentioned fee does not include the details of the administration of the estate. The Fees will be notified by Amanah Raya to the testator and beneficiary respectively for the purpose of implementing and managing the estate / *Fi yang dinyatakan di atas tidak termasuk fi perincian pentadbiran harta pusaka. Fi tersebut akan dimaklumkan oleh Amanah Raya kepada pewasiat dan waris masing-masing bagi tujuan pelaksanaan dan pengurusan harta pusaka.*

## **8. What are the risks inherent in writing a Will? / Apakah risiko-risiko yang terdapat dalam penulisan Wasiat?**

- A Muslim can only bequeath up to 1/3 of his estate to non-heir(s) who are not entitled under Faraid law (after deducting all debts and liabilities) / *Seorang Muslim hanya boleh mewariskan 1/3 harta pusaka beliau kepada waris-waris tidak berhak di bawah undang-undang Faraid (selepas ditolak semua hutang dan liabiliti).*
- Consent from all your Faraid heir(s) is required if you distribute more than 1/3 of your assets either to your Faraid heir(s) or non-Faraid heir(s). Should there be any contest, the distribution will revert back to Faraid distribution/ *Persetujuan daripada semua waris-waris yang berhak di bawah undang-undang Faraid anda diperlukan jika anda mengagihkan lebih daripada 1/3 aset anda sama ada kepada waris-waris yang berhak di bawah undang-undang Faraid atau waris-waris lain. Jika sekiranya terdapat pertikaian daripada mana-mana ahli waris, Pembahagian harta hendaklah dibuat menurut kaedah Faraid.*
- If your named beneficiary in the will is below the age of 18 years at the time of your death, his/her share will be held on trust by the appointed guardian for administration until he/she reaches the age of 18/ *Sekiranya benefisiari yang dinamakan di dalam Wasiat adalah di bawah umur 18 tahun pada masa kematian anda, bahagiannya akan diamanahkan kepada penjaga yang dilantik untuk pentadbiran sehingga dia mencapai usia 18 tahun.*

**9. What are the risks inherent in writing Non Muslim Wills? / Apakah risiko yang terdapat dalam penulisan Wasiat Bukan Islam?**

- A Will does not supersede an earlier nomination, i.e Insurance, Employees Provident Fund (EPF) if any / *Wasiat tidak menggantikan penamaan terdahulu, misalnya Insurans, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) jika ada.*
- If your named beneficiary in the Wasiat is below the age of 18 years at the time of your death, his/her share will be held on trust by the appointed guardian for administration until he/she reaches 18 years of age / *Sekiranya benefisiari anda di dalam Wasiat adalah di bawah umur 18 tahun Ketika kematian berlaku, bahagiannya akan diamanahkan kepada penjaga yang dilantik untuk mengurus bahagian tersebut..*

**10. What is meant by “Last Will & Testament” for Non-Muslim Wills? / Apa yang di maksudkan dengan “Last Will & Testament” bagi Wasiat Bukan Islam**

The Will you receive when duly signed and witnessed will automatically revoke any previous Will that you have written and will be considered as your last Will unless revoked by a subsequent Will/ *Wasiat yang anda terima apabila ditandatangani dan disaksikan sewajarnya akan secara automatik membatalkan sebarang Wasiat terdahulu dan akan dianggap sebagai Wasiat yang Terakhir anda.*

**11. Can I cancel my subscription? / Bolehkah saya membatalkan langganan saya?**

You can cancel your subscription at any time before payment is made. If payment has been made, no refund is allowed / *Anda boleh membatalkan langganan anda pada bila-bila masa sebelum pembayaran dibuat. Sekiranya pembayaran telah dibuat, tiada bayaran balik dibenarkan.*

**12. Can I revoke my Will? / Adakah pembatalan Wasiat dibenarkan?**

A Will can be revoked by the following acts/ circumstances/ *Wasiat boleh terbatal dalam keadaan tertentu:*

- Marriage / *Perkahwinan*  
A Will is revoked by marriage or re-marriage (unless the Will is made in contemplation of a particular marriage). Divorce or separation does not revoke a Will / *Wasiat boleh terbatal oleh perkahwinan atau perkahwinan semula (kecuali Wasiat dibuat dengan jangkaan perkahwinan tertentu). Penceraian atau perpisahan tidak membatalkan Wasiat.*
- Destruction / *Pemusnahan*  
A Will is revoked when the Testator destroys the Will physically with the intention of revoking it. Accidental or malicious destruction by a third party does not constitute revocation / *Wasiat terbatal apabila Pewasiat memusnahkan Wasiat secara fizikal dengan niat untuk membatalkan Wasiat tersebut. Kemusnahan tanpa niat atau berniat jahat oleh pihak ketiga tidak akan membatalkan wasiat.*
- A later Will / *Surat Wasiat*  
A later Will would automatically revoke an earlier Will, whether or not a revocation clause is included in the later Will. The Testator can also revoke a Will by making a written statement of his intention, signed in the presence of two witnesses / *Wasiat pertama akan terbatal secara automatik apabila wasiat berikutnya dibuat, sama ada pembatalan klausa termaktub di dalam surat wasiat. Pewasiat boleh membatalkan wasiat dengan membuat kenyataan bertulis berkaitan niatnya, dan perlu ditandatangani di hadapan dua (2) orang saksi.*
- Conversion to Islam / *Pertukaran Agama*  
A Will is revoked when a Non-Muslim converts to Islam because the distribution of his/her estate will automatically follow the Faraid distribution / *Wasiat terbatal apabila orang bukan Islam memeluk agama Islam kerana pembahagian harta akan secara automatik mengikut pembahagian Faraid.*

**13. What are my duties? / Apakah tanggungjawab saya?**

- You must read, understand and complete all the information required in the application form and Wills and pay the fees charged / *Anda harus baca, faham dan melengkapkan segala maklumat yang dikehendaki di dalam borang permohonan dan surat wasiat dan membayar fi yang dikenakan*
- Be sure all information and personal data is clear and accurate / *Pastikan maklumat dan data peribadi adalah tepat dan jelas.*
- Your Will is the Basic Will of which the distribution is according to Faraid Law / *Wasiat anda adalah Wasiat Asas di mana pembahagian adalah mengikut Hukum Syarak iaitu Faraid.*
- Amendment of Wills to a comprehensive will after this is made directly to Amanah Raya Berhad after you have received your Will Card / *Pindaan Wasiat kepada wasiat terperinci selepas ini boleh dibuat terus di Amanah Raya Berhad selepas anda menerima Kad Wasiat Anda.*

**14. What happens if I fail to fulfill my duties? / Apa yang berlaku sekiranya saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?**

AmanahRaya may not be able to process your Will application or your Will/ Wasiat may be rendered invalid under the law / *AmanahRaya mungkin tidak dapat memproses permohonan anda dan menyebabkan Will / Wasiat anda tidak memenuhi syarat perundangan Wasiat/ Will dan tidak dapat dilaksanakan.*

**15. What do I need to do if there are changes to my contact details? / Apa yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat saya?**

It is important that you inform Amanah Raya Berhad of any changes in your personal details to ensure that all correspondence reaches you in a timely manner / *lanya penting untuk anda memaklumkan kepada pihak AmanahRaya Berhad sekiranya terdapat apa-apa perubahan kepada maklumat peribadi anda semua urusan surat-menjurat berjalan dengan lancar. .*

**16. Where can I get assistance and further information? / Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan maklumat dengan lebih lanjut?**

Should you require additional information, please refer to the information available at all our branches or you can visit [www.muamalat.com.my](http://www.muamalat.com.my) or [www.amanahraya.com.my](http://www.amanahraya.com.my). / *Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan, sila rujuk kepada maklumat yang disediakan di cawangan kami atau anda boleh layari [www.muamalat.com.my](http://www.muamalat.com.my) atau [www.amanahraya.com.my](http://www.amanahraya.com.my).*

Should you need further clarification on your Will or have specific requirements, you may contact Amanah Raya Berhad at/ *Sekiranya anda memerlukan penjelasan lanjut tentang Wasiat anda atau mempunyai keperluan khusus, anda boleh menghubungi Amanah Raya Berhad di:*

**Amanah Raya Berhad**

Business Development Department

Level 4, Wisma AmanahRaya

No.2 Jalan Ampang

50850 Kuala Lumpur

Careline/ Talian Khidmat Pelanggan: 03-2072 9999

Fax/ Faks : 03-2070 1703

Website/ Laman Sesawang: [www.amanahraya.com.my](http://www.amanahraya.com.my)

If you wish to lodge feedback on our services, you may contact us at/ *Sekiranya anda ingin mengemukakan maklumbalas terhadap perkhidmatan kami, sila hubungi kami di:-*

**Bank Muamalat Malaysia Berhad**

Customer Service Department

Level 19, Menara Bumiputra,

No. 21, Jalan Melaka,

50100 Kuala Lumpur

Tel: 03-2600 5500

Website: [www.muamalat.com.my](http://www.muamalat.com.my)

Or/ Atau

**Amanah Raya Berhad**

Business Development Department

Level 4, Wisma AmanahRaya

No.2 Jalan Ampang

50850 Kuala Lumpur

Careline/ Talian Khidmat Pelanggan: 03-2072 9999

Fax/ Faks : 03-2070 1703

Website/ Laman Sesawang: [www.amanahraya.com.my](http://www.amanahraya.com.my)

If your query or complaint is not satisfactorily resolved by us, you may contact Bank Negara Malaysia LINK or TELELINK at:

*Jika pertanyaan atau anda aduan anda tidak diselesaikan atau memuaskan anda, sila hubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:*

Block D, Bank Negara Malaysia

Jalan Dato' Onn

50480 Kuala Lumpur

Tel: 1-300-88-5465

Fax: 03-2174 1515

E-mail: [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

I / We hereby confirm that the Product Disclosure Sheet has been explained to the Customer / <i>Saya/ Kami mengesahkan bahawa Helaian Keterangan Produk telah diterangkan kepada Pelanggan.</i>	I / We hereby confirm that Product Disclosure Sheet has been explained to me/us / <i>Saya / Kami mengesahkan bahawa Helaian Keterangan Produk telah diterangkan kepada saya/kami</i>
..... Staff Name/ Nama Kakitangan: Staff ID No/ No ID Kakitangan: Date/ Tarikh:	..... Name/ Name: myKad No/ No myKad: Date/ Tarikh: